

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK  
[KUALA PILAH - BN]**

**SOALAN NO.69**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah terdapat perancangan Kementerian bagi mengadakan program yang lebih bercorak kemahiran antara negara-negara ASEAN seperti kejayaan program MyCorps yang mana lebih bercirikan kebajikan.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula dari tahun 2015, Kementerian Belia dan Sukan telah mengadakan program kerjasama bagi bidang kemahiran yang melibatkan Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) bersama Institut Teknikal di peringkat ASEAN seperti ITE Singapore dan Politeknik TEDC Bandung. Antaranya bagi tahun 2016 seramai 101 pelajar daripada Politeknik Bandung telah menjalani program kemahiran di IKTBN Dusun Tua, IKTBN Chembong, IKTBN Bukit Mertajam dan IKTBN Kuala Langat yang melibatkan bidang automotif, automasi, multimedia dan mekanikal.
2. Selain daripada itu juga, pihak KBS telah menghantar seramai 54 **TVET Leaders/Master Training Workshop** ITE Singapore pada tahun 2015 dan seramai 15 orang tenaga pengajar telah menjalani latihan di Politeknik TEDC Bandung bagi program **Work-Based@Factory Learning** pada tahun 2016. Pihak KBS juga melalui pasukan robotik IKTBN Sepang telah menyertai pertandingan robotik yang di adakan di Singapura dan Bandung, Indonesia pada tahun 2015 dan 2016.
3. Bagi tahun 2017, pihak KBS terus melaksanakan program kemahiran bersama Politeknik Bandung dan juga menyertai Persidangan TEVT Leader Forum yang diadakan oleh ITE Singapore

**SULIT**

pada Ogos 2017 dan seorang pengajar IKTBN Sepang telah dilantik sebagai hakim bagi kategori Mini Sumo Robot di Pertandingan Indonesia Robo Festival 2017 yang diadakan pada Januari 2017 di Bandung Indonesia. Pihak KBS akan terus berusaha didalam menambah baik kualiti penyampaian TVET yang melibatkan ILKBS dengan terus mengadakan kerjasama dengan institut teknikal terbaik di ASEAN seperti ITE Singapore bagi menambahbaik kualiti kurikulum dan juga kepakaran tenaga pengajar di ILKBS

Sekian, terima kasih.